

Ikan bandaraya ancaman kritikal ekosistem sungai negara

BH 16/03/24 rals 9

Spesies ikan pendatang takluk sungai sekitar Lembah Klang, punca kepupusan ikan tempatan

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kebanjiran ikan tombot atau bandaraya yang kini mendominasi sungai terutama sekitar Lembah Klang, perlu dilihat sebagai ancaman kritikal kerana bukan setakat menyebabkan kepupusan ikan tempatan, malah merosakkan ekosistem saliran negara ini.

Situasi itu semakin membimbangkan, kerana maklum balas nelayan darat dan komuniti pemancing mengakui makin sukar menemui ikan tempatan berikutnya kebanyakan sungai sudah ditakluk spesies ikan pendatang.

Mendedahkan realiti sungai di ibu kota, pengasas Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya, Mohamad Haziq A Rahman, berkata kebanyakan sungai kini 'ditakluk' ikan tombot atau bandaraya atau nama saintifiknya *Pterygoplichthys pardalis*, dengan kesannya lebih besar berbanding spesies ikan pendatang yang lain.

Beliau berkata, sejak pihaknya menjalankan aktiviti tangkapan secara berkala bermula awal tahun lalu, lebih 3,200 ikan bandaraya berjaya dikeluarkan dari sungai di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

Katanya, antara sungai dikenal pasti ditawan ikan yang turut menjadi pemangsa kepada larva hidupan ikan lain, termasuk Sungai Klang, Sungai Kuyoh di Bukit Jalil, anak sungai Ayer Hitam (Puchong) dan Sungai Semenyih.

Membiak dengan cepat

"Di Kuala Lumpur dan Selangor, situasi lebih kritis, ini mungkin ada kaitan dengan gaya hidup penduduk. Mereka yang tinggal di ibu kota, ramai yang ada hobi membela ikan hiasan, terutama dalam akuarium. Satu daripada ikan pendatang yang dibela adalah ikan bandar raya kerana sifat semula jadi yang mampu membersihkan akuarium dan tangki dengan memakan alga serta saki baki makanan ikan, selain ikan yang mati."

"Selain daripada maklum balas dalam kalangan komuniti pemancing dan nelayan darat di negeri lain, sungai di Pulau Pinang turut dilaporkan dengan kebanjiran ikan ini."



Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya ketika menjalankan operasi memburu ikan bandaraya di Sungai Langat baru-baru ini.

(Foto ihsan FB Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya)

"Ikan ini boleh membesar sehingga 1.5 kilogram (kg), namun (bagi individu yang bela ikan hiasan), apabila makin membesar, mereka cenderung membuangnya ke sungai, sekali gus menyebabkan populasinya membiak dengan cepat di sungai kita," katanya.

Haziq berkata, isu 'dominasi' ikan bandaraya ini bukanlah isu baharu dalam kalangan kumpulan pencinta alam dengan kebanjirannya sudah lama dikesan di perairan kita.

"Saya mula nampak ancaman ikan bandaraya ini kepada ekosistem sungai kita sejak 2020 ketika itu saya banyak memancing sendiri dan selalunya balik dengan tangan kosong kerana kebanyakan hasil tangkapan adalah ikan bandar raya.

"Lama kelamaan, saya fikir (situasi) ini tak boleh dibiarkan, perlu ada inisiatif bawa keluar ikan ini. Daripada maklumat rakan pemancing, mereka maklumkan Sungai Langat dekat Jenderam Hilir, kawasan persekitarannya makin busuk berikutnya ramai yang memancing dan mendapat ikan bandaraya, bertindak meninggalkannya di atas tebing sungai."

"Justeru, perlu ada usaha mengumpulkan kumpulan pemancing dan nelayan darat untuk bersama-sama mengeluarkan ikan ini daripada terus bermaharajalela dalam sungai kita," katanya yang memberitahu misi komuniti itu adalah untuk memburu dan menghapuskan sebanyak mungkin ikan bandaraya, terutama dalam sungai sekitar Lembah Klang.

Mohamad Haziq berkata, mulai 2023, Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya ditubuhkannya khusus bagi misi 'membersihkan' sungai

daripada terus dikuasai ikan pendatang terbabit.

Mengulas penemuan oleh komuniti itu daripada aktiviti memburu ikan bandaraya, beliau berkata, kemerosotan tangkapan ikan tempatan di kawasan sungai yang 'ditakluk' ikan bandar raya amat ketara.

"Misalnya, tangkapan oleh komuniti kami sepanjang tahun lalu di sungai sekitar Lembah Klang berjaya membawa naik 2,488 ikan bandaraya dengan berat keseluruhannya 900kg.

"Sementara, ikan asing lain yang dibawa naik sekitar 594 ekor, manakala hasil tangkapan ikan tempatan, amat sedikit, iaitu seekor ikan toman dan dua ekor ikan haruan.

"Ini bermakna, kawasan yang kami sasarkan (untuk buru ikan bandaraya) sudah dikuasai sepenuhnya spesis terbabit hingga ikan tempatan tidak mampu bertahan," katanya.

Beliau turut berkongsi data penemuan ikan bandaraya di Sungai Langat, berdekatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, pada awal bulan ini.

"Dalam misi yang dijalankan secara menjala itu, kami menangkap 496 ekor ikan bandaraya, bersama dua lagi spesis ikan pendatang iaitu tilapia (54 ekor) dan lampam jawa (49 ekor).

Patut dilakukan segera

"Ekoran terlalu banyak ikan bandaraya mendiami kawasan saliran itu, kami hanya memperoleh ikan tempatan yang terdiri daripada dua ekor ikan sebarau dan masing-masing seekor ikan selat, bangkung kuning dan haruan," katanya.

Sehubungan itu, katanya, usaha

'mengeluarkan' ikan bandaraya daripada sungai tempatan perlu dipergiatkan, mengambil kira ia turut memberi impak kepada pendapatan nelayan sungai, selain menyebabkan bekalan stok ikan menyusut disebabkan gangguan habitat dan pemangsaaan.

"Ikan ini juga dipanggil 'ikan rohingya' kerana sifatnya menguasai sesuatu lokasi apabila dibuang di sesuatu tempat. Ini kerana ikan ini memakan telur atau larva ikan lain, selain sifatnya tidak keluar daripada kawasan didudukinya, sebaliknya menjadikan (lokasi) itu sebagai tempat pembiakkannya.

"Keadaan itu membuatkan makin lama, ikan tempatan yang mendiami sungai berkenaan berpindah ke kawasan lain. Walau pun ikan bandar raya tak memakan ikan asal, tetapi sifatnya yang menguasai sesuatu kawasan, menyebabkan (ikan asal) tak dapat bertahan," katanya.

Beliau turut berkata, lambakan ikan bandaraya semakin tidak terkawal susulan aktiviti ritual melalui pelepasan ikan di sungai terus berlaku.

"Situasi ini saya lihat makin meruncing ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi memerangi COVID-19 dulu. Kami dalam kalangan pemancing kerap bertembung dengan individu yang melepaskan ikan asing termasuk ikan bandaraya ke sungai.

"Ada yang memberi alasan, ia dilepaskan untuk tujuan tertentu seperti ingin menunaikan hajat. Ini berbalik kepada soal kepercayaan dan agama, jadi agak sensitif. Namun, kesedaran mengenainya perlu diperbanyak terutama menasihati masyarakat

Ikan tombot atau bandaraya

- Dikenali Amazon Sailfin Catfish atau saintifiknya *Pterygoplichthys pardalis*

- Berasal dari Amerika Selatan

- Dibawa ke Malaysia sekitar 1970-an sebagai ikan hiasan air tawar

- Dikenali sebagai ikan bandaraya kerana sifatnya membersihkan kawasan sekelilingnya

- Pemangsa kepada larva ikan tempatan. Mengorek dasar sungai atau tebing yang menyebabkan kesan seperti air keruh, tebing runtuh dan gangguan keseimbangan persekitaran aquatik

Perlu ada usaha mengumpulkan kumpulan pemancing dan nelayan darat untuk bersama-sama mengeluarkan ikan ini daripada terus bermaharajalela dalam sungai kita.

Mohamad Haziq A Rahman,
Pengasas Komuniti
Pemburu Ikan
Bandaraya



supaya tidak menggunakan ikan asing terutama bandaraya untuk tujuan terbabit," katanya.

Ditanya kelemahan daripada aspek penguatkuasaan yang menyebabkan peningkatan ketara ikan bandar raya di perairan negara, beliau mencadangkan pemantauan dibuat secara berkala khususnya di kedai ikan hiasan.

"Kedai ini yang bekalkan spesies asing termasuk ikan bandaraya. Jadi inilah puncanya lambakan ikan terbabit. Jika pihak berkuasa keluarkan ikan ini dari perairan, tetapi masa sama masih dijual secara meluas, sudah tentu tak berkesan untuk tangani masalah."

"Kita tidak mahu situasi menjadi seterus negara jiran seperti India dan Bangladesh yang mana lebih daripada 60 peratus ikan bandaraya memenuhi perairan air tawar, manakala ikan tempatan semakin menyusut, iaitu sekitar 40 peratus," katanya.